

(BM translation draft as at 17/11/08)

**KENYATAAN PENGERUSI
TOP GLOVE CORPORATION BERHAD
UNTUK LAPORAN TAHUNAN 2008**

Para Pemegang Saham Yang Dihormati,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan Top Glove Corporation Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008. Tahun 2008 merupakan tahun ketujuh Top Glove disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia sejak bulan Mac tahun 2001.

Tahun kewangan 2008 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran, dengan harga lateks mentah mencatatkan paras RM7.20 / kg dalam bulan Julai 2008, peningkatan kadar pertukaran Ringgit Malaysia setinggi RM3.14 / 1 USD dalam bulan April 2008, harga minyak mentah sebanyak USD148 satu tong dalam bulan Julai 2008 dan pengumuman Kerajaan Malaysia mengenai **kenaikan harga petrol sebanyak RM0.78 atau 41%**, berkuatkuasa 5 Jun 2008, kenaikan kadar tarif elektrik sebanyak 26% berkuatkuasa mulai 1 Julai 2008 dan kenaikan harga gas sebanyak 71.4% kepada RM 22.06 / mmbtu berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2008.

Walaupun Kumpulan menghadapi pelbagai cabaran dan mengalami keadaan yang mudah berubah dalam 12 bulan yang lalu, namun, Kumpulan sekali lagi mampu mencapai prestasi yang cemerlang dan berada dalam kedudukan yang lebih selesa untuk menghadapi krisis kewangan dunia atau menyalurkan kewangan untuk aktiviti pengembangan.

Susulan daripada peningkatan kos operasi, Kumpulan telah melaksanakan pelbagai langkah penjimatan kos, memperbaharui proses pembuatan kami serta meningkatkan penumpuan dalam projek penyelidikan dan pembangunan(R&D) demi meningkatkan kualiti produk, produktiviti dan kecekapan.

Keupayaan Kumpulan memantapkan kekuatan selama ini adalah hasil daripada usaha berterusan Kumpulan dalam memperbaiki kualiti produk, menjana pertumbuhan, mengembangkan kapasiti dan membina pasukan pengurusan yang berdedikasi untuk menambah nilai kepada “stakeholder” kami selaras dengan hala tuju, falfasah dan prinsip perniagaan Kumpulan seperti berikut :-

Hala Tuju Perniagaan

Mengeluarkan sarung tangan berkualiti unggul secara konsisten dengan kos yang rendah dan cekap. Top Glove, Keunggulan Kualiti, Keunggulan.Kecekapan.

Falsafah Perniagaan

- 1) Kami berusaha untuk **Pelanggan** kami.
- 2) Kami menjaga kepentingan **Pemegang Saham** kami.
- 3) Kami memastikan **Pekerja** kami terus memberi sumbangan positif kepada Syarikat dan kami menjaga kebajikan pekerja kami.
- 4) Kami bekerja sama rapat dengan **pihak Bank, Pembekal, Sekutu dan Rakan Perniagaan** kami.

Prinsip Perniagaan

- 1) Tidak mendatangkan kerugian kepada para pemegang saham
- 2) Lebih menitikberatkan kesihatan badan anda
- 3) Tidak mudah hilang sabar dan
- 4) Tidak kehilangan pelanggan

Dalam usaha mengorak langkah ke hadapan, kami akan terus menumpukan perhatian ke atas teras perniagaan kami dan berusaha mengekalkan misi Kumpulan untuk menjadi pengeluar sarung tangan bertaraf dunia yang membekalkan produk berkualiti unggul dengan perkhidmatan yang cemerlang melalui kemajuan dan inovasi yang berterusan, di samping memantapkan kedudukan kami sebagai pengeluar sarung tangan getah terbesar di dunia.

Tinjauan Operasi Keseluruhan

Dalam tahun kewangan ini, Kumpulan terus mengukuhkan kedudukannya dengan menambah lebih banyak talian pengeluaran yang cekap. Susulan daripada pembinaan kilang 19 dan 20 (F19 & F20) di Klang, Selangor, Malaysia. Buat masa kini, Kumpulan yang mempunyai sebanyak 355 talian pengeluaran yang cekap dengan jumlah kapasiti pengeluaran sebanyak 33 bilion helai sarung tangan menjelang Mac 2009.

Selaras dengan kedudukan kewangan Kumpulan yang kukuh serta keazaman untuk bertumbuh dengan lebih agresif, Kumpulan kini mengeksport produk ke melebihi 180 buah negara dengan jumlah 850 pelanggan yang mencakupi 24% pasaran sarung tangan getah dunia.

Sejak selesainya pengambilalihan Medi-Flex Limited (Medi-Flex), pihak pengurusan telah berusaha dengan gigih untuk memulihkan atau mengurangkan kerugian Medi-Flex. Satu pasukan khas yang terdiri daripada kakitangan yang terbaik dan berpengalaman dalam bidang pengkompauan, pengeluaran dan pemasaran di dalam Kumpulan telah diserapkan ke Medi-Flex untuk melaksanakan rancangan pembaharuan serta meningkatkan kualiti sarung tangan dengan kos pengeluaran yang paling efisien. Saya berkeyakinan bahawa usaha ini akan menyempurnakan aspirasi Top Glove sebagai "Pusat Sumber Sarung Tangan Komprehensif" bagi pelanggan yang sedia ada serta pelanggan sasaran baru pada masa depan.

Selain itu pula, demi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran di Medi-Flex, Kumpulan telah memindahkan kilang yang disewa yang terletak di Klang, Selangor ke kilang yang terletak di Banting, Selangor. Penggabungan kedua-dua kilang (kilang di Klang dan kilang di Banting) adalah bertujuan untuk mencapai pengawalan operasi yang lebih berkesan dengan menyatupadukan talian pengeluaran, di samping meningkatkan kualiti dan kos efektif.

Seiring dengan perkembangan syarikat yang berterusan, kami juga telah melaksanakan pelbagai langkah penjimatan tenaga yang cekap seperti menggunakan kemudahan "biomass" di kilang-kilang di Malaysia dan Thailand. Selain itu pula, Kilang 19 dan Kilang 20 juga akan beroperasi dengan menggunakan sistem biomass yang mana lebih murah dan kos efektif. Dengan adanya langkah penjimatan kos tersebut, kami yakin bahawa kami akan terus lebih berdaya saing dari segi kos pengeluaran dan berupaya meningkatkan kedudukan keuntungan syarikat.

Dari segi penglibatan di luar negara, kilang kami di China telah mencapai prestasi yang cemerlang dan kami berkeyakinan permintaan dunia akan terus berkembang. Susulan daripada selesainya kerja pemasangan lapan (8) talian pengeluaran sarung tangan vinyl yang baru dan canggih di Kilang 15 dalam bulan Oktober 2008, Kilang 15 akan mempunyai 24 talian pengeluaran. Kami berkeyakinan bahawa dengan kapasiti pengeluaran tambahan ini, operasi kami di China akan terus memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan keseluruhan Kumpulan. Ini juga menunjukkan bahawa usaha pihak pengurusan untuk memulihkan operasi di China kepada kedudukan yang lebih menguntungkan adalah berjaya.

Kumpulan juga telah memperuntukkan RM80 juta sebagai modal perkembangan korporat secara organik atau pengambilalihan yang berpotensi untuk tahun kewangan akan datang.

Pencapaian Kewangan

Kumpulan Top Glove terus mencapai pertumbuhan hasil yang sebanyak 12% kepada RM1,377.9 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008 berbanding dengan RM1,228.8 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan yang lepas. Sebahagian besar pertumbuhan ini disebabkan oleh peningkatan bilangan pelanggan di seluruh dunia; jumlah jualan yang lebih tinggi hasil peningkatan kapasiti pengeluaran, serta kebolehan berterusan kami untuk mengalihkan kenaikan kos operasi.

Dalam keadaan ini, Kumpulan terus mencatat rekod baru dalam keuntungan bagi tahun kewangan 2008. Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM134.6 juta atau peningkatan sebanyak 13% lebih daripada rekod keuntungan sebelum cukai sebanyak RM118.6 juta yang tercapai pada tahun 2007, manakala keuntungan bersih meningkat 23% pada tahun kewangan ini kepada RM110.1 juta dari RM89.6 juta yang tercapai pada tahun 2007. Perolehan sesaham meningkat kepada 37.18 sen dari 31.20 sen pada tahun 2007 manakala pulangan atas ekuiti terus meningkat kepada 16% berbanding dengan 14% pada tahun 2007.

Jumlah aset Kumpulan Top Glove meningkat dari RM1,053.6 juta pada Ogos 2007 kepada RM1,109.5 juta pada Ogos 2008, atau peningkatan sebanyak 5% yang mencerminkan peningkatan asas aset Kumpulan. Selaras dengan pencapaian kewangan yang kuat pada tahun kewangan ini, aset bersih turut meningkat sebanyak 7% kepada RM686.6 juta dari RM641.0 juta.

Dividen

Memandangkan keputusan yang menggalakkan, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 12% (satu peringkat) yang berjumlah RM17.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008. Cadangan dividen akhir ini tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahun Kesepuluh yang akan datang.

Pada 2 Julai 2008, Syarikat telah mengumumkan dividen interim sebanyak 10% (pengecualian cukai) berjumlah RM14.7 juta sempena dengan pengumuman keputusan kewangan suku tahun ketiga yang berakhir pada 31 Mei 2008. Dividen interim tersebut telah dibayar pada 13 September 2008.

Dengan ini, bagi tahun kewangan yang sepenuhnya, dan tertakluk kepada kelulusan pemegangan saham untuk dividen akhir yang dicadangkan, maka bersama-sama dividen interim yang telah diumumkan dan dibayar, jumlah dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2008 ialah 22% berbanding dengan jumlah dividen sebanyak 20% bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2007. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10% dalam pembayaran dividen kasar. Jumlah dividen yang dicadangkan/dibayar merupakan pengagihan kepada pemegang saham sebanyak 29.4% daripada keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan ini.

Prospek Masa Depan

Pada umumnya, industri sarung tangan telah menikmati pertumbuhan yang ketara susulan daripada peningkatan dalam permintaan global (kadar pertumbuhan sebanyak 8 hingga 10% setahun atau penambahan 12.3 juta helai sarung tangan setahun) terutamanya disebabkan oleh permintaan yang tinggi dari pasaran industri perubatan akibat standard kawal selia yang ketat, penambahan penduduk yang umurnya semakin meningkat serta gejala ancaman kesihatan (sebagai contoh, ancaman bio-keganasan, SARS, **selsema burung, anthrax**), serta peningkatan penggunaan sarung tangan dalam sektor bukan perubatan berikutan kesedaran kesihatan yang semakin meningkat, khasnya di dalam industri pemakanan dan perkhidmatan.

Perniagaan kami beroperasi dalam pasaran yang tahan kemelesetan oleh kerana produk kami dianggap sebagai keperluan asas, khasnya di dalam industri kesihatan dan perkhidmatan makanan. Sehubungan dengan ini, permintaan untuk sarung tangan dijangka akan terus bingkas walaupun pada masa ekonomi pengguna meleset.

Secara keseluruhan, Kumpulan terus mengamalkan prospek positif ke arah pertumbuhan berterusan dan mencapai prestasi yang lebih cemerlang dari segi hasil jualan dan kadar keuntungan pada masa hadapan melalui strategi pemasaran yang agresif, peningkatan kapasiti pengeluaran serta meningkatkan lagi kualiti produk, kawalan kos dan kecekapan pengurusan.

Sejajar dengan inisiatif tersebut di atas, Kumpulan telah mengamalkan strategi pertumbuhan dua cabang yakni melalui strategi pertumbuhan menegak melalui kegiatan hiliran demi mengeratkan hubungan dengan pelanggan melalui penubuhan lebih banyak pejabat pemasaran di luar negara, di samping melalui strategi pertumbuhan mendatar untuk mempelbagaikan jenis produk yang mampu meningkatkan nilai tambahan jualan seperti sarung tangan pemeriksaan lateks tanpa serbuk, nitril lembut, "vinyl", "clean room" dan pembedahan demi menguasai pasaran yang lebih besar. Penglibatan kami di China juga membolehkan kami menikmati faedah melalui jaringan pengedaran kami di China.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Kumpulan berpegang teguh kepada falsafah untuk menjadi warga korporat yang proaktif, bertanggungjawab dan prihatin serta peka kepada tanggungjawab sosialnya. Sehubungan dengan ini, Kumpulan telah melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan sosial seperti berikut :-

- 1) Kumpulan telah menubuhkan Yayasan Top Glove untuk memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin agar mereka dapat melanjutkan pendidikan tinggi di universiti tempatan. Malah, Kumpulan kami juga menawarkan peluang pekerjaan kepada penerima biasiswa selepas mereka tamat pengajian.

- 2) Setiap tahun, Kumpulan juga menyediakan peluang latihan praktik kepada pelajar universiti untuk membolehkan mereka mempelajari keperluan-keperluan industri yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka.
- 3) Dari masa ke semasa, Kumpulan juga telah mendermakan sarung tangan kepada St. John Ambulance dan baru-baru ini, Kumpulan telah memberi sumbangan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk tabung bantuan bencana alam dan projek pemulihan di Myanmar dan China.

Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pemegang saham, penganalisa pelaburan, bank dan pengurus dana atas sokongan dan keyakinan berterusan yang diberikan kepada Kumpulan kami; kepada pelanggan, pembekal, agensi Kerajaan dan rakan perniagaan yang dihargai atas sokongan berterusan ke atas produk dan perkhidmatan kami serta kepada pengurusan dan kakitangan Kumpulan, ke atas komitmen dan dedikasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan amanah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan sejawat saya di dalam Lembaga Pengarah atas nasihat, bimbingan dan sokongan bernilai yang diberikan kepada Kumpulan. Saya berkeyakinan penuh bahawa melalui kebijaksanaan dan pengalaman mereka pasti ianya akan memanfaatkan Kumpulan serta membawa kejayaan yang lebih cemerlang kepada Kumpulan pada masa akan datang.

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah, ingin menyampaikan ucapan takziah ke atas pemergian mendiang Encik Lau Boon Ann, Pengarah Bukan Eksekutif pada 8 Jun 2008. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kami kepada keluarga mendiang Encik Lau Boon Ann atas sumbangan dan nasihat bernilai yang disumbangkan oleh beliau kepada Lembaga selama ini.

Akhirnya, kami akan sentiasa berazam untuk mencabar diri sendiri demi mempertingkatkan prestasi kami pada masa akan datang dengan mematuhi dasar kualiti kami yang bertemakan "Kemajuan dan Inovasi Berterusan adalah Tugas dan Tanggungjawab Kami" serta berusaha mengekalkan wawasan Kumpulan untuk terus wujud sebagai pengeluar sarung tangan yang terunggul di dunia melalui produk dan perkhidmatan yang cemerlang demi melindungi dan memperkayakan hayat dan nyawa manusia.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Lim, Wee-Chai

Pengerusi

Top Glove Corporation Berhad

12 November 2008